

# PM hadir sambutan Aidilfitri The Royal Mint Malaysia

UM 3 JAN 2002  
SHAH ALAM 2 Jan. —  
Datuk Seri Dr. Mahathir  
Mohamad dan Datin Seri  
Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali  
hari ini menghadiri majlis  
sambutan Hari Raya Aidil-  
fitri The Royal Mint of Ma-  
laysia di Seksyen 15 di sini.

Perdana Menteri dan iste-  
ri menghabiskan masa kira-  
kira dua jam pada majlis  
tersebut yang dihadiri lebih  
2,000 pengunjung di sam-  
ping beramah mesra dengan  
kakitangan Royal Mint.

Di samping itu, Dr. Maha-  
thir dan Dr. Siti Hasmah  
turut bergambar kenang-  
kenangan dengan semua pe-  
ringkat kakitangan Royal  
Mint.

Pada majlis berkenaan,  
Perdana Menteri dan isteri  
menyampaikan sumbangan  
duit raya Royal Mint kepa-  
da 130 orang kanak-kanak  
yatim dari Rumah Peyakin,  
Meru dan Rumah Anak-An-  
ak Yatim, Batu Belah, Ka-  
par.

Turut hadir pada sambut-  
an itu ialah Menteri Besar  
Selangor, Datuk Seri Dr.  
Mohamad Khir Toyo; Gabe-  
nor Bank Negara, Tan Sri  
Dr. Zeti Akhtar Aziz; Penga-  
rah Urusan Royal Mint, Da-  
tuk Megat Wahab Megat  
Abu Bakar dan Datuk Ban-  
dar Shah Alam, Datuk Abu  
Sujak Mahmud.

Sebelum itu, Perdana Me-  
nteri telah diberi taklimat  
tertutup hampir sejam me-  
ngenai rancangan lima ta-  
hun Royal Mint manakala  
Dr. Siti Hasmah pula meng-  
adakan lawatan ke kilang  
tersebut.